


33/KLIA/2025



AGANSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

CUBAAN 'SETTING' GAGAL: 26 WARGA BANGLADESH DIARAHKAN PULANG

SEPANG, 6 Ogos 2025 – Cubaan 26 orang warganegara Bangladesh yang tiba awal pagi semalam melalui dua penerbangan dari Dhaka untuk memasuki Malaysia berjaya dipatahkan oleh Pasukan Pemantau Agensi Kawalan Dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur Terminal 1 (KLIA1), di sini, semalam.

Berdasarkan maklumat risikan yang diperolehi lebih awal, kumpulan itu menggunakan dua (2) buah penerbangan dan laluan kemasukan mereka dipercayai telah disusun atur secara terancang dengan bantuan pihak tertentu. Setibanya di pintu ketibaan antarabangsa KLIA1, kesemua mereka dipintasi oleh Pasukan Pemantau AKPS sebaik sahaja keluar dari pesawat dan terus diiring ke Pejabat Operasi AKPS KLIA1 untuk proses semakan lanjut.

Hasil siasatan mendapati mereka tidak memenuhi syarat untuk memasuki Malaysia dan cuba memasuki negara ini menggunakan alasan yang meragukan. Pihak AKPS KLIA kemudiannya mengambil langkah pantas dan tegas dengan mengeluarkan arahan untuk kesemua mereka dihantar pulang ke negara asal pada penerbangan seterusnya.

Kejayaan ini adalah hasil kerjasama erat antara Unit Risikan dan Pasukan Pemantau AKPS KLIA1 dalam mengekang kemasukan pelawat berisiko tinggi yang boleh mengugut keselamatan dan ketenteraman awam negara.

SIARAN MEDIA

AKPS menegaskan bahawa tindakan tegas seperti ini akan diteruskan sebagai sebahagian daripada komitmen memperkukuh kawalan sempadan negara, khususnya di pintu masuk utama seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.

Gambar berkaitan:

https://drive.google.com/drive/folders/1vOeElyDJSGvg7k7IYB9N5ewm-dG2Mqt1?usp=drive_link

TAMAT

6 OGOS 2025

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

AGENSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

KEMENTERIAN DALAM NEGERI